



**PENGURUSAN PENYELENGGARAAN  
BANGUNAN ITM CAWANGAN KELANTAN  
YANG BARU**

**Oleh:**

**MOHD. AMINUDIN B. ABDUL MULUK  
(94863117)**

**SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**PENGURUSAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN ITM  
KELANTAN YANG BARU**

**OLEH:**

**MOHD. AMINUDIN B. ABDUL MULUK**

**94863117**

**Disediakan untuk memenuhi sebahagian daripada**

**kursus Sarjana Muda Ukur Bangunan**

**di Institut Teknologi MARA**

**Oktober 1996**

**Tandatangan Pengarang** .....

**Disahkan oleh** .....

*(Pn. T.S. Bahrin)*  
**Penyelia**

## **Penghargaan**

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada mereka yang telah membantu untuk menjayakan tesis ini:

- Ketua kursus Jabatan Ukur Bangunan, Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, ITM Shah Alam, Tn. Hj. Ahmad Ezanee Hashim.
- Pensyarah di Jabatan Ukur Bangunan, Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, ITM Shah Alam, Cik Zuraini Md. Ali.
- Penyelia tesis Pn. T.S. Bahrin dari Kajian Pengurusan dan Perniagaan, ITM Shah Alam.
- En. Mohd. Muhaidin Mohd. Noor, Ketua bahagian Pembangunan dan Selenggaraan, ITM Cawangan Kelantan dan kakitangan beliau.
- Pn. Bendahari ITM Cawangan Kelantan.
- Tn Hj. Muhammad, Pengurus MAM Cleaning + Pest Control S . B. serta kakitangan dan pekerja-pekerja beliau.
- Para pelajar, pensyarah dan kakitangan ITM Cawangan Kelantan.
- Dan lain- lain.

## Abstrak

Objektif utama kajian ini ialah untuk mendedahkan serta memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sistem penyelenggaraan di sebuah bangunan institusi pengajian yang baru. ITM Cawangan Kelantan telah dipilih sebagai satu-satunya kajian kes di dalam tesis ini.

Beberapa sesi temu ramah telah dijalankan dengan pegawai dan mereka yang terlibat, di samping tinjauan demi tinjauan telah dibuat ke kawasan kajian kes tersebut. Beberapa buah buku, dokumen, risalah dan akhbar telah dijadikan panduan untuk kajian ini. Soalan kajiselidik juga telah diedarkan kepada para pelajar untuk dianalisa pendapat serta cadangan mereka.

Tesis ini bolehlah dikatakan sebagai gabungan antara teori dan realiti, yang mana sebahagian isi kandungannya adalah menceritakan carakerja dan piawaian yang perlu diikuti dalam setiap bahagian kerja-kerja penyelenggaraan. Manakala sebahagiannya lagi pula menggambarkan keadaan sebenar sistem pengurusan dan kerja-kerja penyelenggaraan di ITM Cawangan Kelantan.

Daripada segala analisa yang telah dibuat dapatlah disimpulkan bahawa sistem pengurusan penyelenggaraan bangunan ITM Cawangan Kelantan belum mencapai tahap kesempurnaan. Tinjauan yang dibuat ke atas para pelajar mendapati hanya sebahagian daripada mereka yang berpuas hati dengan sistem yang ada sekarang.

Oleh itu sistem penyelenggaraan bangunan perlu dipertingkatkan mutunya serta lebih bersistematik untuk menjamin keselesaan pengguna terutama para pelajar.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Objektif**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengkaji satu sistem pengurusan penyelenggaraan di sebuah bangunan institusi pengajian yang baru siap dibina iaitu Institut Teknologi Mara Cawangan Kelantan.
- Mengkaji aspek-aspek penting dalam penyelenggaraan bangunan tersebut.
- Mengetahui proses kerja-kerja penyelenggaraan.
- Menyingkap aktiviti-aktiviti penyelenggaraan yang terdapat di situ serta menilainya berdasarkan realiti yang diperolehi melalui tinjauan yang dibuat.
- Mendapatkan pandangan pelajar-pelajar terhadap sistem penyelenggaraan yang ada agar dapat diketahui setakat mana keberkesanan sistem itu ke atas mereka.

#### **1.2 Latarbelakang Kajian Kes**

Bangunan Institut Teknologi MARA cawangan Kelantan yang baru terletak di Bukit Ilmu, Machang menggantikan bangunan lama yang terletak di Kem Kijang, Kota Bharu. Pembinaannya dimulakan pada awal 1995 dan fasa pertama daripada lima fasa telah siap yang terdiri daripada asrama, bangunan blok kuliah dan pentadbiran. Sementara itu bangunan dewan serbaguna pula sudah 80% siap dibina. Kontraktor yang membinanya ialah Kontraktor Ahmad Zaki Sdn. Bhd. dari Kemaman. Akiteknya pula adalah Zul Akitek Sdn. Bhd. dari Kelana Jaya.